

UMS Komited Bantu Kelestarian Pengurusan Bencana Alam di Sabah

Terakhir dikemaskini: Isnin, 07 Oktober 2019 09:34 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 7

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Share



ISNIN, 7 OKT - Pusat Kajian Bencana Alam (NRDC) Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA), Universiti Malaysia Sabah (UMS) komited untuk membantu memastikan kelestarian pengurusan risiko bencana alam khususnya di Sabah dapat dilaksanakan

dengan lebih efektif.

Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin berkata pencemaran udara dan bencana alam yang kerap berlaku di Malaysia turut memberi kesan kepada kehidupan penduduk dan juga kemusnahan alam sekitar.

“Oleh yang demikian, langkah proaktif dan lestari perlu diambil bagi memastikan impak bencana alam dapat dikurangkan pada tahap yang minimum.

“Kerjasama daripada pelbagai pihak dan segenap lapisan masyarakat juga amat perlu bagi menerapkan kesedaran dan kepekaan terhadap kepentingan pengurusan bencana alam ini,” ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Seminar Bencana Alam 2019, baru-baru ini. Teks ucapan beliau dibacakan oleh Dekan FSSA, Profesor Dr. Baba Musta.

Tambah beliau, melalui penganjuran seminar itu, maklumat, ilmu dan pengalaman daripada penyelidikan dan pemantauan dapat dikongsikan untuk manfaat bersama bagi meningkatkan kualiti dan kecekapan pengurusan risiko bencana alam di Malaysia.

Selain itu, beliau turut memberitahu bahawa UMS menyahut cabaran revolusi industri 4.0 dengan menggunakan pelbagai bentuk teknologi berkaitan seperti penggunaan teknologi maklumat (IT), revolusi digital, kecerdasan buatan (AI), teknologi robotik automasi, teknologi penyimpanan dan pemprosesan data untuk menangani isu bencana alam.

“Diharapkan pembangunan sistem pengurusan risiko bencana sedia ada dapat diperkembangkan dan memberi maklumat yang proaktif dan tepat kepada masyarakat,” katanya lagi.

Seramai 43 penyelidik daripada pelbagai universiti tempatan di seluruh negara serta agensi awam dan swasta menyertai seminar tersebut.